

MINIT MESYUARAT

JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Tarikh : 24/2/2021 (Rabu)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Microsoft Teams
Tajuk Kertas : Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0
Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE 2.0)

Kehadiran:

1. Muhammad Hafiz Sabarudin - Pengerusi JPH
2. Mohd Khairul Nazir Nawawi - Ahli JPH 1
3. Mohd Faizol Abd Rahman - Ahli JPH 2
4. Kartini Haslinda Che Mat - Penyedia Laporan JPH

AGENDA

1.0 Ucapan pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran semua bagi membincangkan kertas Penilaian Sebut Harga B yang bertajuk Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE 2.0).

2.0 Latar belakang projek

- 2.1 Projek pembangunan sistem digitalisasi ini merupakan satu inisiatif ke arah persediaan Industri 4.0. Projek ini akan melibatkan pembangunan terhadap *Internet of Things (IOT)*, *Cloud Computing & Big Data Analytics*, elemen *cyber security* dan penambahbaikan proses. Setiap syarikat tersebut akan melalui fasa diagnostik terlebih dahulu bagi mengenalpasti elemen yang akan dibangunkan seperti di atas.

2.2 Projek digitalisasi ini dijangka mampu meningkatkan tahap produktiviti yang optimum di mana kebergantungan kepada manusia bagi proses pengumpulan data dapat dikurangkan malah data boleh direkod adalah secara '*realtime*'. Secara tidak langsung ia akan membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan tindakan secara telus, tepat dan cepat. Selain itu, ia juga memberi nilai tambah (*value added*) kepada aktiviti Total Preventive Maintenance (TPM) dengan memberi amaran (*alert*) kepada pihak penyelenggaraan tentang jadual penyelenggaraan dan pertukaran peralatan mesin.

2.3 Objektif pelaksanaan projek ini termasuklah untuk menilai KPI yang dicapai setelah pelaksanaan projek ini dijalankan berdasarkan perkara berikut :

NO	INDIKATOR PRESTASI (KPI)	UNIT
1	Penjimatan Kos	RM **
2	Penjimatan Masa (Notifikasi terhadap <i>Downtime</i> Mesin dan Tindakan)	5%
3	Kadar Rejek	N/A
4	Kecekapan Proses/ Produktiviti	5%
5	Sistem Kewangan	Nisbah/ Untung/ Jualan

3.0 Perbincangan

3.1 Terdapat tiga (3) pembekal yang telah menghantar sebut harga bagi Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE 2.0). Penyedia laporan telah mengesyorkan penyebut harga 1/3 sebagai pembekal yang layak membekalkan perkhidmatan ini.

3.2 Berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan, Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) bersetuju dengan pengesyoran tersebut (penyebut harga 1/3) berdasarkan maklumat berikut:

3.2.1 Memenuhi spesifikasi yang ditetapkan;

3.2.2 Menawarkan harga terendah antara ketiga-tiga penyebut harga iaitu bernilai RM49,500.00;

3.2.3 Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang yang berkaitan.

4.0 Pengesyoran

4.1 Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan penyebut harga 1/3 bagi Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE 2.0).

Disediakan oleh :



Kartir Haslinda Che Mat
Pengurus, Unit PACS

Disahkan oleh :



Muhammad Hafiz Sabarudin
Pengerusi JPH